# Kejohanan Merentas Desa MSSPP 2012

## PERATURAN-PERATURAN DAN MAKLUMAT

## PENTING:-

**(Penyertaan hendaklah dibuat melalui disket (disediakan oleh sekolah sendiri) dengan menggunakan program excel mengikut contoh borang yang disertakan. Disket tersebut dengan satu set borang penyertaan bercetak hendaklah sampai ke Unit Sukan, JPN, d/a PKSW, Jalan Padang Victoria, 10400 Pulau Pinang selewat-lewatnya pada 1 Februari 2011. Penyertaan tanpa disket tidak akan diterima).**

1. Kejohanan ini akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan Kesatuan Olahraga Amator Malaysia (KOAM) dan peraturan-peraturan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang.

2. **Tarikh : Sabtu, 11 FEBRUARI 2012**
   **Masa : 7.30 pagi tepat**
   **Tempat : SMK Permatang Pasir, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah**
   **(Lapor diri di SMK Permatang Pasir – utk lokasi rujuk pelan)**

3. Acara ini dibuka kepada semua pelajar sekolah menengah dan rendah.
   **Sekolah Rendah :** Maksima 3 lelaki dan 3 perempuan (pelajar hendaklah 11 tahun ke atas).
   **Sekolah Menengah :** Maksima 10 peserta untuk setiap bahagian umur.

4.

| BAHAGIAN | UMUR | *JARAK |
|---|---|---|
| A. Perempuan | 18 Tahun Ke Bawah | 6.0 km |
| B. Perempuan | 15 Tahun Ke Bawah | 6.0 km |
| C. Lelaki | 18 Tahun Ke Bawah | 8.0 km |
| D. Lelaki | 15 Tahun Ke Bawah | 6.0 km |
| E. Lelaki | 12 Tahun Ke Bawah | 2.8 km |
| F. Perempuan | 12 Tahun Ke Bawah | 2.8 km |

*JARAK = Tertakluk kepada perubahan. Umur dikira pada 1 Januari.

8. **NOMBOR PESERTA**:

Peserta yang mengambil bahagian hendaklah menggunakan nombor MSSPP seperti berikut **(Rujuk Buku Rancangan Tahunan yang telah dihantar ke sekolah)** :- (pin disediakan oleh pihak sekolah)

a. **Lelaki 18 TKB** menggunakan nombor Lelaki **18TKB** MSSPP **(Hitam)**
**b. Perempuan 18 TKB** menggunakan nombor Lelaki **18TKB** MSSPP **(Hitam)**

c. **Lelaki 15 TKB** menggunakan no. Lelaki **15TKB** MSSPP **(Merah)**
d. **Perempuan 15 TKB** menggunakan no. Lelaki **15TKB** MSSPP **(Merah)**

e. **Lelaki 12 TKB** menggunakan nombor Lelaki **12TKB** MSSPP **(Biru)**
f. **Perempuan 12 TKB** menggunakan no. Lelaki **12TKB** MSSPP **(Biru)**

**(Pastikan nombor peserta diberikan dengan betul. Nombor peserta yang didaftarkan tidak boleh ditukar lagi)**

5. **YURAN PENYERTAAN**: RM1.00 bagi setiap peserta. Bayaran dengan cek / Wang Pos Malaysia (berpalang) hendaklah di atas nama **Bendahari Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang**.

6. Yuran penyertaan bersama-sama disket penyertaan **(gunakan disket sendiri dengan program excel ikut format contoh borang)** setelah dilengkapkan dengan jelas segala maklumat yang dikehendaki mesti dihantar kepada:-

   **Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang**
   **d/a Pusat Kecemerlangan Sukan Westlands**
   **Jalan Padang Victoria**
   **10400 Pulau Pinang.**

   **SELEWAT-LEWATNYA PADA 1 Februari 2012**. Disket penyertaan yang diterima lewat atau tidak lengkap, **TIDAK** akan diproses dan tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian.

8. **PAKAIAN**

Peserta-peserta dinasihatkan supaya memakai pakaian sukan yang sesuai untuk larian jarak jauh.

9. **BANTAHAN**

Peraturan mengenai bantahan seperti yang telah dijelaskan di dalam peraturan 147 KOAM akan diikuti kecuali dalam keadaan-keadaan berikut:-

a) Jika terdapat masalah bantahan berkenaan dengan kelayakan seseorang atlet tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan dimulakan, atlet itu boleh bertanding di bawah bantahan (under protest) dan perkara ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Olahraga MSSPP peringkat negeri.

b) Sebarang bantahan bertulis kepada Jemaah Juri Rayuan mestilah disertakan wang pertaruhan sebanyak RM50.00.

10. **HADIAH**

Hadiah pingat akan diberikan sehingga tempat ketigapuluh (30) bagi setiap kategori sekolah menengah. Untuk bahagian 12 tahun ke bawah lelaki dan perempuan hadiah pingat akan diberikan sehingga tempat keduapuluh (20).

11. **WAJIB**

a) **Borang pengakuan kesihatan dan kebenaran ibu bapa/waris** - Pihak sekolah dikehendaki mendapatkan pengakuan kesihatan (sihat mengambil bahagian mengikut jarak yang ditetapkan) dan kebenaran ibu bapa / waris bagi setiap peserta yang mengambil bahagian terlebih dahulu. Borang-borang tersebut perlu disimpan oleh pihak sekolah masing-masing.

**b)** Pada hari Kejohanan, semua peserta hendaklah melaporkan diri tepat jam 7.00 pagi di **Meja Urusetia, di padang SMK Permatang Pasir, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah**

c) Jawatankuasa Pengelola atau Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang tidak bertanggungjawab ke atas peserta-peserta jika berlaku apa-apa kemalangan/kecederaan atau kehilangan nyawa/harta benda sebelum, semasa atau selepas Kejohanan ini. Peserta-peserta menyertai pertandingan ini atas risiko sendiri. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Pengelola akan mengambil segala langkah untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai.

d) Segala keputusan Jawatankuasa Pengelola mengenai pertandingan ini adalah muktamad.

## PERHATIAN

### 12. Mesyuarat Pengurus Pasukan

**a) Pengurus Pasukan sekolah-sekolah yang mengambil bahagian WAJIB menghadiri satu taklimat yang akan diadakan seperti berikut:-**

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **9 Februari 2012 (Khamis)** |
| **Masa** | : | **2.30 petang.** |
| **Tempat** | : | **Dewan SMK Permatang Pasir,<br>Bukit Mertajam, Pulau Pinang.** |

*(CONTOH BORANG YANG PERLU DIMASUKAN DALAM DISKET)*

# KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSPP 2012

## BORANG PENYERTAAN

**(*Tarikh Tutup : 1. 2. 2012*)**

***(Sila gunakan borang yang berlainan untuk setiap bahagian umur)***

Sekolah : ..........................................................................................................................

Kumpulan Umur *:
**(Rujuk peraturan no. 4)**
*(Tandakan X pada yg berkenaan)*

| | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ | L18 TKB | ☐ | P 18TKB |
| ☐ | L15 TKB | ☐ | P 15 TKB |
| ☐ | L12 TKB | ☐ | P 12TKB |

No. Tel : .......................................... No. Fax : ......................................................................

Nama Pengurus Pasukan : ................................................ No. Tel : ...................................

| BIL | NOMBOR PESERTA ***(diisi oleh sekolah)*** | NAMA PENUH PESERTA ***(Tuliskan dengan jelas)*** | NO. K/P /Surat beranak |
|---|---|---|---|
| 1 | | | |
| 2 | | | |
| 3 | | | |
| 4 | | | |
| 5 | | | |
| 6 | | | |
| 7 | | | |
| 8 | | | |

YURAN PENYERTAAN : RM 1.00 x ______ peserta = RM __________
(Cek / Wang Pos Malaysia berpalang hendaklah dikeluarkan di atas nama Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang)

.................................................
( Tandatangan Pengetua/Guru Besar)

Cop Sekolah:

Tarikh:

* **Sila gunakan borang berasingan bagi setiap bahagian umur**.
**Bilangan maksima setiap bahagian umur – 8 peserta setiap kategori untuk <u>sekolah menengah</u>**
**- 3 peserta setiap kategori untuk <u>sekolah rendah</u>**

# PETA MERENTAS DESA MSSPP 2012

